

**ANALISIS PEMIKIRAN SYEIKH MU×AMMAD
AMÔN AL-KURDÔ TERHADAP TASAWUF DALAM
KITÓB TANWÔR AL-QULÔB FÔ MU'ÓMALAH
*'ALLÓM AL-GHUYÔB***

MOHD MIQDAD ASWAD BIN AHMAD

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2014**

**ANALISIS PEMIKIRAN SYEIKH MU×AMMAD
AMÔN AL-KURDÔ TERHADAP TASAWUF DALAM
KITÓB TANWÔR AL-QULÔB FÔ MU'ÓMALAH
*'ALLÓM AL-GHUYÔB***

oleh

MOHD MIQDAD ASWAD AHMAD

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

SEPTEMBER 2014

PENGHARGAAN

Segala puja dan puji hanya bagi Allah Tuhan semesta alam yang telah menganugerahkan ilmu pengetahuan kepada hamba-hamba-Nya yang fakir ini. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W, keluarga serta sahabat-sahabat baginda dan seterusnya kepada umat Islam seluruhnya. Alhamdulillah, segala puji dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana telah mengurniakan semangat, kekuatan, kesihatan, keupayaan, ‘inayah dan rahmat-Nya kepada pengkaji sehingga kajian ini dapat disempurnakan. Dengan segala rasa rendah diri, saya mengakui bahawa kajian ini tidak akan dapat dilakukan tanpa taufiq dan ‘inayah daripada Allah ‘Azza wa jalla. Tiada lafaz yang setanding untuk mengungkapkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga ini. Hanya Allah segala puji yang dengan sifat keagungan-Nya.

Terlebih dahulu, pengkaji ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia yang dimuliakan lagi dikasihi iaitu Dr. Mohd Nizam Sahad terhadap bimbingan, komitmen dan kerjasama yang diberikan. Begitu banyak pengetahuan dan tunjuk ajar yang diberikan kepada pengkaji sepanjang tempoh penyelidikan ini. Tanpa keperihatinan, kesungguhan dan sokongan beliau, kajian ini tentu tidak dapat disempurnakan dengan baik.

Pengkaji juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap kerjasamaa yang diberikan oleh Ustaz Nasir Mat Tap (Darul Hikmah), Ustaz Nazri (KUIN), Puan Safiah Ahmad (USM) dan Dr. Nasir (UiTM) di atas maklumat, idea dan pandangan membina yang diberikan bagi menjayakan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang telah memberikan bimbingan

dan menyumbangkan pandangan bernas kepada pengkaji dalam usaha melengkapkan penyelidikan ini dan pada masa yang sama juga kepada Pusat Pengajian Siswazah yang telah memberikan peluang kepada pengkaji untuk membuat kajian ini.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan juga diberikan kepada kedua ibu bapa (Ahmad Abdullah & Buni Safar), isteri (Nor Hafizah Ab. Majid) dan anak-anak (Nor Rahadatul 'Aish & Muhammad Mus'ab) dan keluarga dipihak isteri (Prof. Madya Ar. Dr. Ab Majid Ismail dan Puan Safiah Ahmad) yang tidak jemu-jemu memberikan sokongan, dorongan dan kerjasama bagi membantu pengkaji menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih kepada guru-guru, rakan-rakan dan sahabat handai yang memberikan semangat dan galakan agar pengkaji dapat menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Selain itu, ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, di atas keizinan memberikan peluang kepada pengkaji untuk menyambung belajar di Universiti Sains Malaysia.

Akhir sekali, pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan kajian ini termasuklah yang membantu pengkaji menyempurnakan pengkajian ini. Semoga segala kerjasama, pertolongan, sokongan dan dorongan yang diberikan akan mendapat ganjaran kebaikan daripada Allah S.W.T

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
JADUAL TRANSLITERASI	ix
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI JADUAL	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvi
BAB PERTAMA: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Permasalahan Kajian	2
1.3 Perumusan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Sorotan Literatur	7
1.6 Skop Kajian	13
1.7 Metodologi Penyelidikan	18

BAB KEDUA: PENGENALAN DISIPLIN ILMU TASAWUF

2.1	Pengenalan	23
2.2	Definisi Tasawuf	24
2.2.1	Pengertian Tasawuf Dari Sudut Bahasa	24
2.2.2	Hujah Pemilihan Kata <i>Øuf</i> Sebagai Kata Asal Tasawuf	30
2.2.3	Pengertian Tasawuf Dari Sudut Istilah	34
2.3	Konsep Asas Tasawuf Dalam Islam	39
2.3.1	Akhlak Terpuji	46
2.3.2	<i>Al-Zuhd</i>	47
2.3.3	<i>Al-Khalwah</i>	48
2.3.4	<i>Al-Tawbah</i>	49
2.3.5	<i>Al-Tawakkal</i>	50
2.3.6	<i>Al-Dhikr</i>	53
2.4	Aliran Tasawuf	55
2.4.1	<i>Ma‘rifah</i>	55
2.4.2	<i>Akhlak dan Nafs</i>	56
2.4.3	<i>Al-IttiÉd</i>	58
2.4.4	<i>Al-TawÍÊd</i>	60
2.4.5	<i>Al-×ulËl</i>	60
2.4.6	<i>Al-Ûoma’nÊnah</i>	61
2.4.7	<i>Al-WaÁdat al-WujËd</i>	62
2.5	Pandangan Orientalis Terhadap Tasawuf	64
2.5.1	Margerat Smith	64

2.5.2	Alfred von Kremer, R.C. Zehner dan Max Horten	64
2.5.3	Adalbert Merx dan R.A. Nicholson	65
2.5.4	Louis Massignon	65
2.6	Rumusan	66

BAB KETIGA: BIOGRAFI SYEIKH MU×AMMAD AMÔN AL-KURDÔ DAN SUMBANGANNYA TERHADAP TASAWUF

3.1	Pendahuluan	67
3.2	Nama Penuh dan Pendidikan Awal	68
3.3	Pengembaraan Ilmiah	69
3.4	Perkahwinan	72
3.5	Karya-Karya Syeikh Muáammad AmÊn al-KurdÊ	73
3.6	Sumbangan Syeikh Muáammad AmÊn al-KurdÊ Terhadap Pengajian Ilmu Tasawuf	75
3.7	Murid-Murid Syeikh Muáammad AmÊn al-KurdÊ	75
3.8	Kematian	76
3.9	Pandangan Ulama Terhadap Syeikh Muáammad AmÊn al-KurdÊ	77
3.10	Metodologi dan Kandungan Kitab <i>TanwÊr al-QulËb fÊ MuÑÊmalah ÑAllÊm al-GhuyËb</i>	
	3.10.1 Metodologi Am	79
	3.10.2 Metodologi Khusus	81
3.11	Bahagian Pertama Akidah	82
3.12	Bahagian Kedua Fiqh	88
3.13	Bahagian Ketiga Tasawuf	94
3.14	Matlamat Pengkajian Kitab Dengan al-Quran	96
	3.14.1 Bahagian Pertama Akidah	97

3.14.2	Bahagian Kedua Fiqh	98
3.14.3	Bahagian Ketiga Tasawuf	100
3.15	Kaedah Pengkajian Kitab Dengan Hadis	101
3.15.1	Bahagian Pertama Akidah	102
3.15.2	Bahagian Kedua Fiqh	103
3.15.3	Bahagian Ketiga Tasawuf	104
3.16	Kaedah Pengkajian Kitab Dengan Pandangan Ulama	104
3.16.1	Bahagian Pertama Akidah	105
3.16.2	Bahagian Kedua Fiqh	107
3.16.3	Bahagian Ketiga Tasawuf	107
3.17	Rumusan	109

BAB EMPAT: ANALISIS PEMIKIRAN DAN SUMBANGAN SYEIKH MU×AMMAD AMÔN AL-KURDÔ TERHADAP TASAWUF

4.1	Pendahuluan	111
4.2	Konsep Nafsu Menurut Syeikh Mu×ammad AmÊn Al-KurdÊ	112
4.3	Konsep Syeikh Menurut Syeikh Mu×ammad AmÊn Al-KurdÊ	139
4.3.1	Kepentingan Syeikh Dalam Tarekat	139
4.3.2	Syarat-syarat seorang Syeikh	143
4.3.3	Adab-Adab Seorang Syeikh	153
4.4	Konsep Murid Menurut Syeikh Mu×ammad AmÊn Al-KurdÊ	169
4.4.1	Adab Murid Dengan Guru	169
4.4.2	Adab Murid Dengan Diri Sendiri	177

4.4.3	Adab Murid Dengan Orang Islam	196
4.5	Konsep Khalwat Menurut Syeikh Muġammad AmĒn Al-KurdĒ	211
4.5.1	Khalwat Dalam Islam	215
4.5.2	Tempoh Masa Berkhalwat	223
4.6	Konsep Zikir Menurut Syeikh Muġammad AmĒn Al-KurdĒ	226
4.7	Rumusan	237
BAB LIMA: PENUTUP		
5.1	Kesimpulan	238
5.2	Saranan	244
5.3	Penutup	246

SENARAI TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan dalam tesis ini berdasarkan sistem ejaan baru Bahasa Melayu.¹ Manakala perkataan-perkataan Arab dieja berdasarkan sistem transliterasi seperti berikut:

1. KONSONAN

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
أ	a	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamÉl
ح	Í	حديث	ÍadÊs
خ	kh	خالد	khÉlid
د	d	ديوان	dÊwÉn
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمان	raÍmÉn
ز	z	زمزم	zamzam

¹ *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Ketua Editor Hajah Noresah bt Baharom, B.Sc (UM), M.A (Birmigham), *Dewan Bahasa dan Pustaka*, Kuala Lumpur, 1996.

س	s	سرآب	sarÉb
ش	sy	شمش	syams
ص	Î	صبر	Îabar
ض	Ì	ضمير	ÌamÊr
ط	Ï	طاهر	ÏÉhir
ظ	Ð	ظهر	Ðuhr
ع	‘	عبد	‘abd
غ	gh	غيب	ghaib
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qÉÎÊ
ك	k	كأس	ka’s
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمار	mizmÉr
ن	n	نكت	nakt
و	w	وصل	waÎl
هـ	h	هبط	habaĬa
ء	’	لؤلؤ	lo’lo’
ي	y	يسار	yasÉr

2. VOKAL

1. Vokal pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh transliterasi
_____	a	فعل	fa‘ala
_____	i	حسب	Íasiba
_____	u	كتب	kutiba

2. Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Tranliterasi
ا	É	كاتب	kÉtib
ي	Ê	كريم	karÊm
و	Ë	حروف	ÍurËf

3. DIFTONG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Tranliterasi
اي	ay	سياف	sayyÉf
او	aw	اوقاة	awqÉt
ي	i	رجعي	raj‘iyy
و	uww	عدو	‘aduww

SENARAI SINGKATAN

Senarai Singkatan	Perkara singkatan
M	Masehi
H	Hijrah
SM	Sebelum Masehi
Ibid	Ibidem bererti sama dengan rujukan yang disebutkan di atas
op.cit	Opere citato bererti dalam sumber yang disebutkan
S.W.T	(رب حل ه ونع الی)SubÍÉnahÈ Wata‘ÉIÉ yang bererti Yang Maha suci dan Maha
S.A.W	(الله ع لى وس لم)Øallahu ‘Alaihi Wa Sallim bererti Allah berselawat dan memberi salam ke atasnya
a.s	(ع لى وس لم) ‘Alaihi Wasallam bererti sejahtera ke atasnya
Al-KurdÊ	Syeikh MuÍammad AmÈn al-KurdÈ
t.t	Tanpa Tahun
t.t.p	Tanpa Tempat Pengeluar

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1	:	Tahap Nafsu Menurut Syeikh Muġammad AmĒn al-KurdĒ	h. 135
Jadual 4.2	:	Peringkat Nafsu	h. 135

**ANALISIS PEMIKIRAN SYEIKH MU×AMMAD AMÔN AL-KURDÔ TERHADAP
TASAWUF DALAM *KITÔB TANWÔR AL-QULÔB FÔ MU'ÔMALAH 'ALLÔM AL-
GHUYÔB***

ABSTRAK

Pemikiran Syeikh Muġammad AmĒn al-KurdĒ, seorang tokoh ulama tasawuf dunia Islam adalah penting untuk diketengahkan kepada masyarakat Islam sebagai usaha menjelaskan persoalan yang muncul dalam sekitar kehidupan harian masyarakat Islam. Antara persoalan utama yang menjadi permasalahan dalam kalangan umat Islam adalah berkaitan persoalan tasawuf. Persoalan ini dilihat kian meruncing dari semasa ke semasa dengan kemunculan isu lama tetapi dibangkitkan semula kerana kekeliruan pemahaman dalam masyarakat seperti konsep zikir, konsep khalwat, konsep adab murid dengan guru, konsep guru dalam tasawuf dan konsep nafsu yang memerlukan analisis dan penjelasan semula dari ulama tasawuf. Dalam menyelesaikan persoalan yang timbul, Syeikh Muġammad AmĒn al-KurdĒ yang merupakan salah seorang tokoh ulama tasawuf dilihat berperanan membantu umat Islam menjawab persoalan dan menetapkan asas pegangan tasawuf kepada masyarakat. Kajian ini bertujuan melihat sumbangan beliau terhadap perkembangan pemikiran tasawuf. Kajian ini juga adalah untuk memperkenalkan biodata Syeikh Muġammad AmĒn al-KurdĒ, mengkaji metodologi *Kitab TanwĒr al-QulĒb fĒ Mu'Ēmalah 'AllĒm al-GhuyĒb* dan menganalisis tema-tema tasawuf dalam kitab beliau. Kajian mendapati bahawa metodologi pengkajian beliau hampir menyamai tokoh-tokoh ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. Metodologi kitabnya telah dibina berdasarkan hujah dalil naqli dan aqli yang menjadikan pandangan beliau turut mempunyai kekuatan dengan pemikiran tersendiri. Metodologi kajian ini ialah kajian kepustakaan dengan menganalisis tema-tema tasawuf dalam

kitab ini. Dapatan kajian mendapati bahawa Syeikh Muġammad AmĒn al-KurdĒ merupakan tokoh pemikir tasawuf yang teliti dalam membicarakan tema-tema tasawuf beserta penjelasannya, bertepatan dengan pegangan ahli Sunnah wa al-Jamaah, dan sesuai diketengahkan dalam kalangan masyarakat Islam termasuk di Malaysia.

ANALYSIS OF THE THOUGHT OF SYEIKH MU×AMMAD AMÔN AL-KURDÔ ON TASAWWUF IN *KITÓB TANWÔR AL-QULÔB FÔ MU'ÓMALAH 'ALLÓM AL-GHUYÔB*

ABSTRACT

It is important to present the thought of Syeikh Muáammad AmÊn al-KurdÊ, a Tasawwuf cleric to the Muslim world in order to explain the issues that arise in the daily life of the Islamic community. One of the key issues in the Muslim community is the issue of Tasawwuf. This issue is seen through increasingly critical eyes with the resurfacing of past issues, due to misinterpretations of the concept of *zikr*, the concept of '*khalwat*', the concept of manners between teachers and students, the concept of teacher in Tasawwuf and the concept of lust that requires analysis and explanation from Tasawwuf scholars. Syeikh Muáammad AmÊn al-KurdÊ, is one of the more prominent Tasawwuf scholars seen helping Muslims to answer the issues and to establish the principle of Tasawwuf to the public. This study aims to look at his contributions to the development of Tasawwuf thought. The objectives of this study are to introduce the biography of Syeikh Muáammad AmÊn al-KurdÊ, to examine the methodology in *Kitab TanwÊr al-QulÊb fÊ Mu'Êmalah 'AllÊm al-GhuyÊb* and to analyse the themes of Tasawwuf in his book. The study found that his writing methodology is similar to the scholars of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. The methodology presented in his book is based on the argument of '*naqli*' and '*aqli*' that make his views strong. The present study used library research to analyse the themes of Tasawwuf in the book. The findings of the analysis show that Syeikh Muáammad AmÊn al-KurdÊ is a Tasawwuf scholar who is very cautious in discussing the themes of Tasawwuf by giving explanations that are in line with the pillars of Ahl Sunnah wa al-Jamaah, and can be considered appropriate to be presented to Islamic societies, including in Malaysia.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Tasawuf merupakan satu kaedah dalam Islam untuk mendekati Tuhan dengan lebih dekat. Tasawuf juga merupakan ilmu pengetahuan yang boleh membawa umat Islam mengenali Allah S.W.T, mempunyai hubungan yang hampir dengan Allah S.W.T dan dapat menimbulkan kesedaran bahawa segala sesuatu hak milik-Nya. Hal ini demikian kerana hidup dan mati hamba-Nya, kesemuanya diaturkan oleh Allah S.W.T Yang Maha Berkuasa.

Hubungan penghambaan antara seseorang hamba dengan Khaliq-Nya telah mewujudkan pelbagai persepsi dalam kalangan ahli sufi dan masyarakat amnya. Hal ini boleh mewujudkan keclaruan pemikiran dan amalan umat Islam yang mempunyai pelbagai pandangan dan latar belakang kefahaman agama yang berbeza. Kajian ini akan membawa satu pandangan tokoh besar dalam bidang tasawuf iaitu Syeikh Mu'ammad Am'En al-Kurd'Ê. Beliau merupakan seorang ulama tasawuf yang menjadi rujukan kepada Tarikat Naqshabandiyyah di Nusantara, khususnya dalam pengamalan tarikat.

Tasawuf dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu tasawuf falsafi atau tasawuf sunni atau lebih dikenali tasawuf akhlak oleh sebahagian umat Islam yang berpendidikan.¹ Namun terdapat juga dalam kalangan masyarakat yang tidak mengerti peranan tasawuf sebenarnya sehingga mereka melihat tasawuf dari sudut yang salah. Selain itu, terdapat juga dalam kalangan mereka beranggapan tasawuf ialah satu disiplin ilmu yang eksklusif, mempunyai seni yang tersendiri dan

¹ Lihat Kertas kerja yang ditulis oleh Nur Syam MSi, *Tasawuf Dalam Pergulatan Zaman: Dari Tasawuf Falsafi ke Tasawuf 'Amali*. Makalah disampaikan dalam Seminar Internasional tentang "Tasawuf-Filosofis, Melacak Jejak Tasawuf di Indonesia." 6 Ogos 2011 di Pusat Studi Jepang, Universitas Indonesia.

hanya dibicarakan oleh sesetengah pihak yang amat meminati ajaran tasawuf Islam. Sifat eksklusif ini boleh dihubungkan dengan dua pandangan masyarakat iaitu positif terhadap tasawuf sunni dan negatif terhadap tasawuf falsafi.

1.2 LATAR BELAKANG PERMASALAHAN KAJIAN

Tasawuf merupakan sebahagian mistisisme² dalam Islam yang sering diguna pakai oleh para pengkaji Barat. Selain itu, mistisisme dalam Islam diberi nama tasawuf dan para orientalis Barat memberikan nama sufisme terhadap amalan tasawuf.³ Para orientalis Barat juga tidak menggunakan nama sufisme terhadap mistisisme agama lain sebaliknya ia hanya dikhususkan untuk agama Islam. Tasawuf ialah pengalaman kerohanian dan sifat batiniyah seseorang individu sebagai hasil komitmennya terhadap ajaran tasawuf. Hal ini, untuk menuju matlamat yang satu iaitu mencari *ma'rifatullÉh*.⁴

Syeikh 'Abdul ×alim MahmÉd menyatakan bahawa tasawuf telah wujud dalam kedudukannya sebagai satu aliran pemikiran pengamal dan pengikutnya sejak awal kewujudan ilmu tasawuf.⁵ Selain itu, menurut Nurcholish Majid, tasawuf telah bermula pada zaman Bani Umayyah yang dianggap tidak Islamik.⁶ Hal ini merupakan reaksi terhadap pemerintahan Bani Umayyah pada ketika itu yang hanya menampakkan keburukan dan menimbulkan fitnah terhadap Islam khususnya dengan wujudnya pergeseran dengan keluarga Rasulullah S.A.W.⁷

² A.J Arberry menerangkan bahawa mistisisme ialah amalan yang tetap dan sama hasil daripada kerinduan manusia untuk bersatu dengan Tuhan. Namun lebih tepat ialah mistisisme merujuk kepada sufisme iaitu penyerahan diri kepada Allah secara total tanpa mengambil endah akan perkara lain.

³ Haron Nasution (2006), *Falsafat Dan Mistisisme Dalam Islam*, Pustaka Bulan Bintang, Jakarta, Cetakan 12, h. 43.

⁴ Zakaria Stapa (1995), *Akhlak & Tasawuf Islam*, Berita Publishing Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, h. 32.

⁵ 'Abdul ×alÉm MaÍmÉd (tt), *QalÍyyah al-MunqiD Min ÓalÉl Li ×ujah al-IslÉm al-GhazÉlÉ*, DÉR al-Kitab al-×adÉsah, Mesir, h. 285.

⁶ Nurcholish Majid (1992), *Islam: Doktrin Dan Peradaban*, Paramadina, Jakarta, h. 256.

⁷ Ibid, h. 256.

Pandangan ini wujud disebabkan permasalahan yang ada pada ketika itu seperti peralihan kuasa tampuk pemerintahan Islam beralih daripada Ali kepada Muawiyah. Permasalahan ini tidak dapat tidak dapat mewujudkan beberapa kumpulan yang lahir daripada ketidakstabilan politik pada zaman itu.

Berhubung penerimaan masyarakat dan sarjana dalam tasawuf, terdapat dua pandangan terhadap tasawuf. Pertamanya pandangan yang menyokong amalan tasawuf dan pandangan kedua iaitu pandangan yang menolak amalan tasawuf. Terdapat juga dalam kalangan pengkritik tasawuf yang menyelar tindakan dan amalan ahli tasawuf yang berzikir bersama tiupan serunai. Hasil amalan ini, timbul kekeliruan dalam kalangan masyarakat. YËsuf al-QaraËwË menolak keras tasawuf yang menyimpang jauh daripada ajaran al-Quran dan Sunnah seperti *×ulËl*⁸ dan *WaËdat al-WujËd*⁹.¹⁰ Namun, terdapat juga golongan yang fanatik menolak kebaikan sufisme dengan menyatakan tasawuf bersumberkan agama Nasrani, Budhisme, Brahmanisme dan asalnya bukan daripada ajaran Islam.¹¹

MuËammad JamËl GhËzi turut mempertikaikan ajaran-ajaran baharu dalam kalangan ahli sufi yang datang kemudian dan menyerapkan unsur-unsur falsafah Greek, Parsi, Hindu, Kristian dan lain-lain yang menjadikan tasawuf bercampur baur seperti *WaËdat al-WujËd*.¹² Selain itu, Ibn Taimiyah juga menolak ahli sufi seperti yang telah diketengahkan oleh beliau dalam

⁸ Konsep *×ulËl* ialah membawa pengertian Tuhan mengambil tempat dalam tubuh manusia tertentu setelah manusia itu betul-betul berhasil melenyapkan sifat kemanusiaan yang ada dalam tubuhnya.

⁹ Konsep *WaËdat al-WujËd* membawa pengertian tiada yang wujud di alam ini selain daripada Allah. Segala rupa bentuk yang kelihatan hanyalah gambaran luaran bagi hakikat yang satu iaitu Allah.

¹⁰ Syeikh YËsuf al-QaraËwË (1996), *HËdiya al-IslËm FatËwa al-Mu'ËËarah*, Terjemahan (*Fatwa-Fatwa Mutakhir*), Yayasan al-Hamidy, Jakarta, h. 934.

¹¹ *Ibid*, h. 935.

¹² Mohd Kamil Hj. Ab. Majid (2004), "Tasawuf: Mencari Penyelesaian Dalam Polemik Berterusan Antara Pendokong Dan Pengkritik", *Tasawuf dan Ummah*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. xv.

Øufiyyah al-ArzÉq dan *Øufiyyah al-Rasm*.¹³ Mereka ini sebenarnya memburukkan nama-nama ahli sufi yang benar. Pandangan ini menunjukkan beliau menolak tasawuf yang mencampuradukkannya dengan kefahaman falsafah Barat. Beliau menyokong dan tidak menolak tasawuf yang membincangkan kaedah-kaedah mencantikkan akhlak seperti akhlak Rasulullah S.A.W.¹⁴ Ibnu Qayyim turut berkongsi pandangan yang sama dengan gurunya Ibnu Taimiyah bahawa tasawuf ialah moral atau imej Islam.¹⁵

Namun begitu, terdapat juga pandangan yang menyetujui ilmu tasawuf kerana kebenaran dan moral yang diperolehi daripada ilmu ini. Sebagai contoh, Ibnu Taimiyah menerima pemikiran tasawuf dengan menjadikan pengamalannya *ÎËfÊ ÍaqÉ'iq* iaitu sufi yang hakiki yang menjadikan hati dan jiwanya bersih daripada kotoran duniawi.¹⁶

Satu perkara yang diketahui oleh sarjana Muslim ialah permulaan kefahaman tasawuf berkait rapat dengan pertimbangan akhlak dan moral, iaitu menyucikan diri dari sifat mazmumah, keikhlasan dalam pengabdian diri kepada Tuhan dan kebaikan memelihara niat seseorang supaya bebas daripada faktor keduniaan iaitu dengan melakukan pemeriksaan berterusan terhadap hati seseorang.¹⁷ Secara umumnya, hal ini menunjukkan bahawa para sarjana tidak menolak tasawuf yang bercorakkan pendidikan moral dan menerima kaedah-kaedah pendidikan moral dan akhlak tersebut sepenuhnya.

¹³ Ibnu Taimiyah (t.t.) *Al-Øufiyyah wa al-FuqarÉ'*, Tahqiq: Dr. Muhammad Jamil Ghazi, MaÍba'ah al-Madany, Mesir, h. 26.

¹⁴ *Ibid*, h. 27.

¹⁵ K.H. Said Aqil Siroj (2006) *Tasawuf Sebagai Kritik Sosial Mengedepankan Islam Sebagai Inspirasi Bukan Aspirasi*, PT Mizan Pustaka, Indonesia, h. 41.

¹⁶ Ibnu Taimiyah (t.t.) *Majmu' al-Fatawa*, Lihat konsep Tasawuf, Mathabi' al-RiyaÍ, Saudi Arabia, Cetakan Pertama, h. 19.

¹⁷ Fazlur Rahman (2008), *Kebangkitan Semula Dan Pembaharuan Dalam Islam: Satu Kajian Tentang Fundamentalisme Islam*, Terj, Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, Kuala Lumpur, h. 91.

Berdasarkan penerimaan para sarjana terhadap tasawuf sunni, kajian tesis ini dilakukan untuk mengkaji pemikiran Syeikh Muġammad AmĒn al-KurdĒ yang berkaitan tasawuf berdasarkan kitabnya *TanwĒr al-QulĒb fĒ MuĒmalah ĄAllĒm al-GhuyĒb*. Bab yang akan menjadi skop kajian dalam kitab ini ialah bab yang khusus berhubung tasawuf. Kajian ini akan mengkaji ketokohan beliau dalam bidang tasawuf dan pada masa yang sama turut mengkaji latar belakang atau biografi beliau.

Oleh sebab keperluan pada masa ini, amalan ini perlu dinilai, dikaji dan dianalisis supaya hasilnya dapat dijadikan panduan oleh masyarakat dalam usaha membetulkan kecelaruan dan kesesatan yang wujud dalam kalangan pengamal dan pengkaji tasawuf. Pengamal tasawuf pada masa kini terbahagi kepada dua iaitu tasawuf akhlak dan tasawuf falsafah. Justeru pertimbangan untuk meneliti aspek ini adalah berdasarkan neraca sumber utama ajaran Islam iaitu al-Quran dan Hadis yang sahih dengan tidak langsungnya dapat menilai intipati kitab ini bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah ataupun tidak. Sehubungan itu, pengkaji juga berpendapat bahawa sebagai seorang tokoh tasawuf, pemikiran Syeikh Muġammad AmĒn al-KurdĒ perlu diperjelas agar dapat dinilai secara akademik oleh semua pihak serta diamalkan oleh pengamal tasawuf yang sejati.

Pengkaji berpandangan kajian ini penting untuk dilakukan. Pertama, bab tasawuf yang terdapat dalam kitab ini telah diterjemahkan oleh Dr. Jahid Sidek ke dalam bahasa Melayu dan diberi penjenamaan semula iaitu *Membentuk Jiwa Sufi*. Kedua, bab ini juga telah diterjemahkan oleh Muzammal Noer ke dalam bahasa Indonesia, ia juga diberi nama baru iaitu *Menyucikan Hati Dengan Cahaya Ilahi* seterusnya digunakan secara meluas di Indonesia. Selain itu, menurut

Martin van Bruinessan seorang pengkaji tarikat Naqshabandiyyah menyatakan bahawa kitab ini dibaca dengan meluas di Indonesia dan yang paling terkenal di Nusantara.¹⁸ Oleh sebab bab tasawuf di dalam kitab ini telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa, dan dijadikan rujukan oleh masyarakat Islam, khususnya dalam bahasa Melayu. Ia telah menjadikan kitab ini mudah dan menjadi sumber rujukan masyarakat di Malaysia dan di Indonesia seperti yang ditegaskan oleh Bruinessen. Oleh sebab itu, menjadi suatu yang signifikan, kitab ini untuk diteliti kandungannya sama ada bertepatan dengan kehendak al-Quran, Sunnah dan pandangan sarjana atau pun tidak.

1.3 RUMUSAN MASALAH

Rumusan terhadap permasalahan yang menjadi objek kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Siapakah Syeikh Mu'ammad Am'En al-Kurd'Ê dan bagaimana ketokohnya dalam bidang tasawuf?
- ii. Apakah ajaran tasawuf yang dipelopori oleh Syeikh Mu'ammad Am'En al-Kurd'Ê sama ada sunni atau falsafi?
- iii. Apakah pemikiran Syeikh Mu'ammad Am'En al-Kurd'Ê terhadap tasawuf dalam kitabnya bertepatan dengan al-Quran dan Sunnah?

Persoalan di atas akan menjadi panduan pengkaji dalam usaha mengkaji dan kemudiannya memberikan gambaran yang sebenar tentang usaha dan sumbangan tokoh yang dikaji oleh pengkaji dalam bidang agama, khususnya dalam bidang ilmu tasawuf.

¹⁸ Martin van Bruinessan (1993), *Tarikat Naqsyabandiyah di Indonesia Survie Historis, Geografis, dan Sosiologis*, Penerbit Mizan, h. 74.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Mengkaji biografi Syeikh Mu'ammad Am'En al-Kurd' sebagai tokoh tasawuf.
- ii. Mengkaji Metodologi kitab *Tanw'Er al-Qul'Eb F' Mu'Émalah al-'All'Em al-Ghuy'Eb* dalam bab tasawuf.
- iii. Mengkaji pemikiran Syeikh Mu'ammad Am'En al-Kurd' dalam tasawuf terhadap konsep dalam kitab *Tanw'Er al-Qul'Eb F' Mu'Émalah al-'All'Em al-Ghuy'Eb*.

1.5 SOROTAN LITERATUR

Penelitian secara khusus terhadap Syeikh Mu'ammad Am'En al-Kurd' yang mempunyai kaitan dengan tasawuf masih sangat terbatas. Di bawah ini pengkaji akan melakukan sorotan kajian untuk memberikan gambaran tentang posisi penelitian terhadap subjek di atas.

Pertama, terdapat satu disertasi yang bertajuk *Ùarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah di Malaysia Satu Analisis Kritis berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah*.¹⁹ Disertasi ini ditulis oleh Dr. Mohd Rosdi @ Mohd Rodhi bin Mohd Yusof. Di samping itu, disertasi ini mengkaji dan menganalisis ajaran-ajaran Tarikat Naqshabandiyyah al-Khalidi di Malaysia menggunakan pendekatan analisis dengan dua sumber utama dalam Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Perkara yang dianalisis oleh beliau ialah ritual Tarikat Naqsyabandi seperti ajaran-ajaran asas dalam Tarikat Naqsyabandi. Kemudian beliau mengkaji dan menganalisis persoalan-persoalan dalam ajaran Tarikat Naqsyabandi menurut al-Quran dan Sunnah. Perbezaan antara kajian pengkaji dengan kajian beliau ialah pengkaji lebih kepada mengkaji pemikiran seorang tokoh

¹⁹ Mohd Rodhi bin Mohd Yusof (2005) *Ùarekat Naqshabandiyyah al-Khalidiyyah di Malaysia Satu Analisis Kritis berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah*, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

dalam Tarikat tersebut. Manakala beliau pula hanya menjadikan kitab *TanwÊr al-QulËb fÊ Mu'Ëmalah 'allËm al-GhuyËb* sebagai bahan rujukan tambahan untuk menghasilkan dan menyelesaikan kajiannya. Dalam kajian ini, pengkaji menjadikan kitab ini sebagai bahan asas kajian untuk mengkaji pemikiran Syeikh Mu'ammad AmËn al-KurdË dalam tasawuf. Pengkaji menganalisis pemikiran beliau berdasarkan kitab tersebut dan terdapat perbezaan dengan disertasi tersebut yang mengkaji amalan Tarikat Naqsyabandiyyah secara khusus.

Pada tahun 1998 satu tulisan artikel jurnal yang berjudul *Kurdish 'Ulama And Their Indonesian Disciples*²⁰ dihasilkan. Artikel ini dihasilkan oleh seorang antropologi iaitu Martin Van Bruinessen yang dilahirkan di Belanda. Beliau merupakan seorang pensyarah dan pengkaji di Universiti Utrecht, Belanda dan membuat kajian mengenai masyarakat Kurdi dan Indonesia. Dalam kajian ini beliau menyebut nama Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi dalam bahagian: *Two Great Kurdish Naqshabandiyyah Masters: Mawlana Khalid And Muhammad Amin al-Kurdi*. Pengkaji tersebut menyatakan bahawa Syeikh Mu'ammad AmËn al-KurdË ini seorang guru yang hebat dalam tasawuf dan Tarikat Naqshabandiyyah. Beliau hanya menyentuh sedikit biografi tokoh yang dikaji. Namun, pada pandangan pengkaji, kajian ini masih tidak menyeluruh kerana tidak dikaitkan atau dikaji secara khusus ajaran-ajaran yang terkandung dalam kitabnya iaitu *TanwÊr al-QulËb fÊ Mu'Ëmalah 'allËm al-GhuyËb*. Kajian ini jika hendak dibandingkan antara disertasi pengkaji, perbezaannya ialah seperti pengkaji akan menganalisis pemikiran beliau berdasarkan dalam kitab beliau. Berbanding dengan artikel ini yang hanya mengangkat Syeikh Mu'ammad AmËn al-KurdË tanpa menganalisis pemikiran. Tanpa analisis pemikirannya maka agak sukar untuk mendapatkan bukti kehebatan seseorang itu. Hal ini dapat diteliti dari

²⁰ Martin Van Bruinessen (1998), *Kurdish 'Ulama And Their Indonesia Disciples*, Universiti Utrecht, Belanda. h. 17.

sudut tujuan disertasi pengkaji iaitu menganalisis pemikiran beliau berdasarkan kajian khusus terhadap kitab pengkajiannya.

Terdapat rencana yang ditulis oleh Syeikh ‘Asam Anas al-Zaftawi yang bertajuk *Bait MawlanÉ al-Syeikh MuÁammad AmÊn al-KurdÊ*. Dalam rencana ini beliau menulis sejarah dan latar belakang Syeikh MuÁammad AmÊn al-KurdÊ serta sejarah ahli keluarga beliau dalam tradisi keilmuan dan intelektual. Beliau memberitahu bahawa ahli keluarga beliau, bermula dengan dirinya yang mengajar di Universiti al-Azhar sehingga yang terakhir cucunya Syeikh Öhiya’uddin yang juga merupakan salah seorang tenaga pengajar di universiti yang sama. Dalam artikel ini, beliau menulis kehidupan dan latar belakang keluarga Syeikh MuÁammad AmÊn al-KurdÊ dan pada masa yang sama, pengkaji menyatakan bahawa rumahnya dijadikan tempat zikir oleh ahli Tarikat Naqshabandiyyah.²¹ Dalam artikel ini, pengkaji mendapati terdapat maklumat-maklumat yang boleh membantu pengkajian pengkaji dalam usaha untuk menyiapkan bahagian biografi Syeikh MuÁammad AmÊn al-KurdÊ seperti tahun kelahiran, asal usul keturunan, keluarga, pekerjaan dan kehidupan beliau sebagai seorang guru yang mengajar di Universiti Al-AzhÉr dan pada masa yang sama sebagai guru bimbingan tarikat Naqsyabandiyyah.

Terdapat satu lagi artikel yang bertajuk *Al-Kurdi wa al-TaÁawwËf* yang membincangkan ulama Kurdistan yang menceburi bidang tasawuf. Dalam artikel ini ada disebutkan nama tokoh yang ingin dikaji iaitu Syeikh MuÁammad AmÊn al-KurdÊ yang berkaitan dengan penerangan mengenai ajaran dan pemikiran tasawuf ulama’ Kurdi. Antara perkara yang diutarakan dalam artikel ini adalah inti pati perbincangan di dalam kitab beliau seperti akhlak, zuhud, adab murid

²¹ <http://goo.gl/GCocYd>. (Laman ini telah diakses pada 16.6.2009) Laman ilmiah yang ditulis oleh anak murid kepada cucu Syeikh MuÁammad AmÊn al-KurdÊ.

dan hubungan murid dengan guru. Pengkaji artikel menegaskan bahawa kitab ini merupakan salah satu rujukan utama dalam kalangan pengkaji kelahiran daripada bangsa Kurdi. Selain itu, artikel ini lebih pada sejarah dan latar belakang kehidupan tokoh-tokoh sufi Kurdistan seperti Syeikh RiĒ al-ĪalabĒ pengamal tarikat Qadariyyah, Maulana KhĒlid al-KurdĒ pengamal Tarikat Naqsyabandiyyah dan Syeikh AĒmad TijĒnĒ pendiri dan pengamal Tarikat TijĒnĒ. Mereka merupakan tokoh yang berasal daripada bangsa Kurdis yang banyak memberikan panduan kepada pengikutnya.²²

Seterusnya Koh Nakata pernah menulis satu artikel ringkas iaitu *MuĒammad AmĒn al-Kurd: Happiness of Novices* yang memperkatakan kitab yang dikarang oleh Syeikh MuĒammad AmĒn al-Kurdi. Artikel ini hanya satu komentar mengenai isi kandungan kitab *TanwĒr al-QulĒb* sahaja.²³ Koh Nakata tidak menghuraikan aspek pemikiran tasawuf dan perjalanan tarikat Syeikh MuĒammad AmĒn al-KurdĒ yang terdapat dalam kitab tersebut. Namun begitu, beliau telah membuat komentar mengenai kelebihan yang boleh didapati daripada kitab ini iaitu ketenangan dan kegembiraan sekiranya jiwa tenteram dan selamat.

Seterusnya terdapat satu artikel jurnal yang bertajuk *Kontribusi Tarekat Qadariyyah Wa Naqsyabandiyyah Dalam Dakwah Islamiyyah Di Lombok*.²⁴ Artikel jurnal ini ditulis oleh H.L. Shohimn Faisol dan Muhammad Sa'i. Artikel jurnal ini membicarakan tentang peranan dan sumbangan tarekat Qadariyyah dan Naqsyabandiyyah dalam dakwah Islam dalam kalangan masyarakat Lombok, Indonesia. Dalam kajian ini beliau menjelaskan tentang modul pengajian

²² <http://www.islamic-sufism.com/article.php?id=298> (Laman ini telah diakses pada 13.5.2009)

²³ Koh Nakata (1995), *Muhammad Amin al-Kurdi : Happiness Of Novices*, Tokyo. (<http://repository.dl.itc.u-tokyo.ac.jp/dspace/bitstream/2261/2081/2/ioc12802a.pdf>) (Laman ini diakses pada 10 April 2009).

²⁴ H.L. Shohimn Faisol & Muhammad Sa'I (2005), *Kontribusi Tarekat Qadariyyah Wa Naqsyabandiyyah Dalam Dakwah Islamiyyah Di Lombok*, Jurnal Penelitian Keislaman Vol 1, No 2, Juni 2005, h. 1-22.

agama yang diterapkan kepada masyarakat Lombok seperti pengajian dalam bidang fekah, usuludin dan tasawuf. Menurut kajian ini antara kitab tasawuf yang digunakan ialah *TanwÊr al-QulÊb fÊ Mu'Êmalah 'allÊm al-GhuyÊb* karangan Syeikh Mu'ammad AmÊn al-Kurdi. Kajian ini menunjukkan kitab ini diguna pakai secara meluas di Nusantara khususnya di Indonesia dan Malaysia. Ini mungkin disebabkan jumlah pengamal tarikat Naqsyabandiyyah dan Qadariyyah banyak terdaoat di Nusantara. Walaupun begitu kajian ini tidak menyentuh mengenai pemikiran Syeikh Mu'ammad AmÊn al-Kurdi dan kajian ini menyentuh mengenai sumbangan tarikat itu sahaja.

Selain kajian tesis, jurnal dan artikel di atas, terdapat juga buku-buku tentang tokoh yang dikaji oleh pengkaji iaitu Syeikh Mu'ammad AmÊn al-KurdÊ, antaranya adalah *The Naqshbandiyya Orthodoxy And Activism In Worldwide Sufi Tradition* buku yang membahaskan beliau secara tidak khusus dan tidak mendalam. Buku ini mengupas sejarah perkembangan dan penyebar Tarikat Naqshabandiyyah. Di dalam buku ini juga disebut bahawa beliau merupakan salah seorang penyebar atau guru Tarikat Naqshabandiyyah di Mesir serta membuka atau menyediakan tempat untuk berzikir kepada para muridnya.²⁵

Walaupun bagaimanapun, terdapat juga sebuah buku karangan Martin van Bruinessen yang menulis secara khusus mengenai perkembangan Tarikat Naqshabandiyyah di Indonesia. Tajuknya ialah *Tarikat Naqshabandiyyah Di Indonesia Survie Historis, Geografis dan Sosiologis*. Dalam buku ini beliau menjelaskan perkembangan sejarah kemunculan tarikat ini di Nusantara, khususnya di Indonesia. Beliau hanya menyatakan sejarah tarikat ini tetapi tidak

²⁵ Itzhak Weismann (2007), *The Naqshbandiyya Orthodoxy And Activism In Worldwide Sufi Tradition*, Routledge, Kentucky, USA, h. 100.

menganalisis amalan atau pemikiran tokoh yang hendak dikaji oleh pengkaji. Beliau juga menjelaskan pandangan dan pendapat daripada tokoh yang akan dikaji oleh pengkaji. Pendapat-pendapat yang diambil ialah pendapat yang berkaitan dengan amalan dan tradisi Tarikat Naqsyabandiyyah yang diambil daripada kitab *TanwÊr al-QulËb fÊ Mu'Êmalah 'allÊm al-GhuyËb*.

Selain itu terdapat sebuah buku yang bertajuk *Islamic Thought In The Twentieth Century* yang juga hanya menyebut dan menceritakan Syeikh Mu'ammad AmÊn al-KurdÊ dari sudut pandangan beliau terhadap tasawuf.²⁶ Buku ini memperkatakan diri beliau di dalam bab empat yang bertajuk *Sufi Thought And Reconstruction*. Pengkaji buku ini memetik secara ringkas pemikiran beliau mengenai tasawuf iaitu mengenai masa depan tasawuf dan tarikat dan tidak khusus membicarakan konsep pemikiran beliau seperti dalam kitab *TanwÊr al-QulËb fÊ Mu'Êmalah 'allÊm al-GhuyËb*.

Namun terdapat satu kritikan mengenai isi kitab tersebut oleh seorang ulama dari Lubnan, beliau ialah Syeikh Mu'ammad RiyËl dalam kitabnya *TanwÊr al-QulËb fÊ Mu'Êmalah 'allÊm al-GhuyËb*. Beliau mengkritik dua bahagian dalam kitab ini iaitu berkaitan Aqidah dan Tarikat Naqsyabandiyyah. Beliau menyatakan sesat terhadap kedua-dua bahagian ini. Salah satu kritikan beliau terhadap kitab ini berkaitan permasalahan kewujudan Allah S.W.T. Beliau mengatakan wajib meyakini kewujudan Allah S.W.T secara zahiri dengan apa-apa yang diperkatakan oleh Allah S.W.T tanpa membuat takwilan terhadap ayat-ayat tersebut. Sebagai contohnya jika ditanya di manakah Allah S.W.T maka jawapannya Allah S.W.T berada di mana-

²⁶ Suha Taji-Farouki, Bashir N. Nafi (2004), *Islamic Thought In The Twentieth Century*, Institute Of Ismaili Studies, United Kingdom, h. 106.

mana, tetap keberadaan Allah S.W.T berada di setiap tempat bukan dengan zat Allah S.W.T tetapi dengan ilmu-Nya. Kemudian beliau menyambung lagi dengan mengatakan bahwa wajib meyakini Allah S.W.T dengan zat-Nya yang berada di atas Arasy sesuai dengan status Allah S.W.T yang bersifat Maha Tinggi dan Maha Agung.²⁷ Walau bagaimanapun, disertasi ini membincangkan mengenai pemikiran Syeikh Mu'ammad Am'En al-Kurd' di dalam tasawuf. Disertasi ini tidak membincangkan secara khusus tentang dua kritikan yang dilontarkan oleh Syeikh Mu'ammad Riy'.

Dengan memerhatikan keterangan-keterangan daripada sorotan kajian di atas, paling tidak penelitian dan kajian-kajian ini akan melengkapi antara satu sama lain. Pengkaji akan berusaha sedaya mungkin untuk memperdalamkan analisis yang dikaitkan dengan titik pertemuan antara pemikiran Syeikh Mu'ammad Am'En al-Kurd' dalam perkara tasawuf dan tarikat.

1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini dilakukan terhadap tokoh tasawuf yang berbangsa Kurdish iaitu Syeikh Mu'ammad Amin al-Kurd'. Pengkaji akan mengkaji pemikiran beliau tentang tasawuf berdasarkan kitab *Tanw'Er al-Qul'Eb f' Mu'Émalah 'all'Em al-Ghuy'Eb*. Dalam kajian ini juga pengkaji menetapkan ruang lingkup kajian kepada lima konsep yang dipilih berasaskan kepentingannya. Lima konsep tersebut ialah:

- I. Konsep Al-Nafs Menurut Syeikh Mu'ammad Am'En Al-Kurd'
- II. Konsep Syeikh Menurut Syeikh Mu'ammad Am'En Al-Kurd'

²⁷ Syeikh Mu'ammad Riy' (1955), *Tanw'Er al-Qul'Eb f' Mu'Émalah 'all'Em al-Ghuy'Eb*, D'Er al-Kutub Ilmiyyah, Beirut, Lebanon, h. 30.

- III. Konsep murid Menurut Syeikh Muġammad AmĒn Al-KurdĒ
- IV. Konsep khalwat Menurut Syeikh Muġammad AmĒn Al-KurdĒ
- V. Konsep zikir lisan dan hati Menurut Syeikh Muġammad AmĒn Al-KurdĒ

Kelima-lima konsep ini merupakan isi kandungan yang terdapat dalam kitab tersebut. Kelima-lima konsep ini dipilih berdasarkan justifikasi seperti berikut. Konsep ini perlu dikaji lebih mendalam supaya masyarakat memahami konsep atau konsep tersebut dengan lebih jelas. Selain memahami konsep ini dengan jelas, ia juga melibatkan pengamalan masyarakat Islam khususnya dari kalangan pengamal tarikat. Sekiranya kefahaman itu benar-benar membawa satu pencerahan dan kesahihan, maka akan lahirlah amalan yang benar dan hak. Pertama, konsep nafsu yang perlu difahami bagaimana nafsu berperanan dalam setiap individu dan kepentingan menjaga dan memelihara diri supaya tidak taat kepada nafsu semata-mata yang hasilnya mengakibatkan kerosakan terhadap jiwa seseorang tersebut, seperti yang dapat dilihat dalam kalangan masyarakat pada hari ini yang mempunyai permasalahan seperti gejala rogol yang berleluasa dalam kalangan masyarakat Islam khususnya.²⁸ Nafsu berperanan untuk mengajak manusia melakukan kemaksiatan dan akibatnya mendatangkan keburukan kepada institusi masyarakat apabila maksiat berleluasa. Nafsu perlu dikawal dan dikendalikan, sehingga nafsu dapat diarahkan kepada hal-hal yang dapat membawa kebaikan dan kebahagiaan. Ini disebabkan nafsu sentiasa mengajak ke arah keburukan kecuali nafsu yang mendapat kasih sayang Allah S.W.T.²⁹ Ini menunjukkan bahawa keburukan ini adalah berpunca daripada individu dan masyarakat yang bertuhankan nafsu.

²⁸http://www.bharian.com.my/articles/PeningkatangejalasosialbabitkanpelajardiKelantanmembimbangkan_Polis/Article/. (Laman ini diakses pada 28 Julai 2013).

²⁹ Syeikh Muġammad bin ØalleĒ Uthaimin (1406H), *MajĒlis Syahri RamĒĒn*, Cetakan Kedua, al-JĒmi‘ah al-IslĒmiyyah bil MadĒnah al-Munawwarah, Saudi Arabia, h. 91.

Kedua, konsep adab murid dengan syeikh atau guru yang sebenar dalam Islam. Hari ini terdapat dalam kalangan masyarakat Islam yang tidak menghormati syeikh atau guru dan tidak meletakkan guru di tempat yang sewajarnya.³⁰ Isu-isu seperti seringkali berada di dada akhbar, bahkan terdapat juga dalam kalangan masyarakat Islam yang mendewakan guru sehingga apa-apa saja yang dilakukan oleh guru tidak boleh dipertikaikan dan perlu dipatuhi.³¹ Konsep murid atau adab seorang murid. Adab secara umumnya seperti yang dijelaskan oleh Hasyim Asy'ari, tauhid ialah mewajibkan wujudnya iman. Sesiapa yang tidak beriman, maka dia tidak bertauhid; dan iman mewajibkan syariat, maka sesiapa yang tidak ada syariat, maka dia tidak memiliki iman dan tidak bertauhid; dan syariat mewajibkan adanya adab; maka sesiapa yang tidak beradab maka (pada hakikatnya) tiada syariat, tiada iman, dan tiada tauhid padanya. Bagi memiliki ilmu-ilmu ini menurutnya, menjadi kewajipan para murid dapat menjaga adab dengan guru.³²

Jelaslah bahawa adab merupakan satu perkara yang penting dalam tradisi ilmu Islam. Para murid perlu mempunyai adab yang terbaik. Jika melihat isu-isu semasa pada hari ini didapati para pelajar mahupun mahasiswa universiti kurang beradab dalam proses menuntut ilmu, maka sewajarnya konsep adab murid yang sebenar didedahkan. Kedua-dua perkara harus diteliti supaya para murid dan guru mengetahui kepentingan masing-masing.

³⁰ <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/VideopelajardiSarawaktumbukgurutersebarluas/Article/>. (Laman ini diakses pada 28 Julai 2013).

³¹ http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0604&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm. (Laman ini diakses pada 28 Julai 2013).

³² Hasyim Asy'ari (1415H), *Ādabul Ālim wal-Muta'allim*, Maktabah TurĒs IslĒmĒy, Jombang, h. 11.

Ketiga ialah konsep syeikh atau guru yang sebenar dalam Islam. Terdapat permasalahan dalam masyarakat Islam pada hari ini bagaimana hendak menentukan seseorang itu sebagai guru murshid dan langkah-langkah yang perlu untuk seseorang itu menjadi seorang guru yang terbaik berlandaskan ajaran Islam yang sebenar. Guru perlu menunjukkan contoh teladan dan menjadikan diri sebagai *role model* kepada para pelajar. Namun pada hari ini terdapat segelintir guru yang tidak menunjukkan contoh teladan dan pengajaran yang baik kepada pelajar.³³ Bahaya dari sudut akidah apabila terdapat dalam kalangan masyarakat Islam pada hari ini khususnya yang mempercayai bahawa guru-guru mereka boleh memberikan kesan atau musibah. Seterusnya mereka mengingkari pesanan atau nasihat guru. Terdapat juga kepercayaan bahawa guru-guru ini boleh memberikan bantuan kepada mereka dengan syarat guru meredhai mereka.³⁴ Dalam hal ini Syeikh ‘Abdul QÉdir JailÉnÊ berpesan ketika melihat segolongan sufi yang sesat serta terkeluar daripada agama. Beliau menyatakan, “hendaklah kalian *ittibÉ*³⁵ dan janganlah *ibtidÉ*³⁶. Mempelajari fiqh kemudian beruzlah, terbanglah menuju *al-Éqq* dengan kedua sayap al-Quran dan al-Sunnah. Setiap hakikat yang tidak bersesuaian adalah *zindÉq*”.³⁷ Pesanan ini adalah khusus untuk kepada para guru dan pengikut tarikat.

Keempat, konsep khalwat yang sebenar mengikut kaedah yang dianjurkan dalam Islam seperti yang dilaksanakan oleh para Salafussaleh. Terdapat kekeliruan dalam masyarakat pada hari dalam menentukan adakah amalan khalwat ini bertepatan atau tidak di sisi Islam seperti

³³ <http://www.sinarharian.com.my/edisi/utara/pelajar-dituduh-berzina-dengan-guru-1.101919>. (Laman ini diakses pada 28 Julai 2013).

³⁴ M. Amin Djamaluddin (2001), *Melacak Kesatan & Kedustaan Ajaran Tarekat Naqsyabandiyah Prof. Dr. Kadirun Yahya M.Sc*, Lembaga Penilitan dan Pengkajian Islam, Jakarta, h. 3.

³⁵ Dimaksudkan dengan *ittibÉ* ialah mengikut jalan yang telah ditetapkan oleh Allah iaitu mengikut al-Quran dan al-Sunnah.

³⁶ Dimaksudkan dengan *ibtidÉ* ialah mengada-ngadakan perkara baharu dalam agama.

³⁷ ‘Abdul RazzÉq al-KailÉnÊ (1994), *Syeikh ‘Abdul QÉdÊr JailÉnÊ: al-ImÉm al-ZÉhid al-Qudwah*, DÊr al-Qalam, Damaskus, h. 222.

semoga kaedah zikir dalam suasana masyarakat yang berkehendak kepada agama tidak terpesong dengan hanya mendengar nama jemaah tarikat sahaja. Pada hari ini masyarakat Islam menganuti dan berpegang pada pelbagai aliran mazhab, pemikiran dan tarikat. Ini akan menimbulkan sedikit sebanyak kekeliruan dalam berzikir. Salah satu konsep yang terdapat dalam kajian ini ialah ingin melihat konsep zikir yang dibawa oleh Syeikh Mu'ammad Am'En al-Kurd'Ê ini sama ada bertepatan dengan konsep zikir yang dibawa oleh al-Quran dan al-Sunnah atau sebaliknya. Seharusnya perkara ini diberikan perhatian kerana boleh menggugat kestabilan agama Islam sekiranya bertentangan atau berlawanan dengan konsep zikir yang sebenar dalam Islam.

Namun begitu terdapat juga konsep lain dalam kitab ini yang tidak dijadikan subjek kajian pada kajian ini seperti konsep taubat, konsep ikhlas, konsep *al-Ma'abbah*, konsep *al-Shawq* dan konsep *al-Wajd*.

1.7 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Metodologi penyelidikan merupakan sesuatu yang penting dalam pengkajian ilmu, supaya kajian lebih bersistematik. Sebelum pengkaji menyatakan kaedah yang digunakan untuk memudahkan data diperoleh dalam penyelidikan ini, pengkaji merasai perlu dijelaskan definisi perkataan kaedah dan juga penyelidikan. Metode berasal daripada perkataan Inggeris "*Method*" yang bererti cara, kaedah, atau prosedur.⁴¹ Oleh itu, kaedah ialah cara atau jalan.⁴² Menurut *Kamus Dewan* metode ialah cara melakukan sesuatu atau kaedah belajar.⁴³ Dalam bidang akademik perkataan metode digunakan iaitu ilmu atau cara yang digunakan untuk kajian

⁴¹ Joyce M. Hawkins (1991), *Kamus Dwi Bahasa Oxford Fajar*, Kum-Vivar Printing Sdn Bhd, Selangor, Edisi II, h. 244.

⁴² Koentjaraningrat (1983), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Petang Gramedia, Jakarta, h. 16.

⁴³ Hajah Noresah Baharom, (2005), *op.cit*, h. 1030.

akademik.⁴⁴ Metode menurut ilmu penyelidikan ilmiah merupakan perkara yang berkaitan masalah cara atau kerja. Melalui cara kerja ini, objek yang menjadi sasaran dan yang bersangkutan dapat difahami.⁴⁵ Manakala perkataan penyelidikan boleh didefinisikan sebagai usaha-usaha yang teratur bagi mencari jawapan terhadap persoalan-persoalan khusus yang dikemukakan tentang sesuatu masalah yang hakikatnya sudah dikenal pasti.⁴⁶

Justeru, untuk menghasilkan kajian ini, pengkaji melakukan kajian dan penyelidikan yang sesuai untuk digunakan bagi memudahkan perolehan data dalam penyelidikan disertasi ini. Penyelidikan ini merupakan penyelidikan kepustakaan (*Library Research*). Bagi melengkapkan penyelidikan dan mendapatkan data dan maklumat, pengkaji telah menggunakan beberapa metode penyelidikan, antaranya adalah:⁴⁷

- i. Metode pengumpulan data
- ii. Metode analisis data

1.7.1 Metode Pengumpulan Data

Metode ini merupakan teknik yang diguna pakai untuk mengumpulkan data bagi memperoleh data yang dapat digunakan untuk dianalisis dalam satu kajian.⁴⁸ Dalam memenuhi usaha tersebut beberapa kajian telah dilakukan antaranya:

1.7.1.1 Metode Kepustakaan

⁴⁴ *Ibid*, h. 1030.

⁴⁵ Koentjaraningrat (1983), *op.cit.* h. 16.

⁴⁶ Ahmad Mahdzan Ayob, (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, Edisi II, h. 3.

⁴⁷ Koentjaraningrat (1983), *op.cit.* h. 16

⁴⁸ Burke Johnson & Lary Christensen (2000), *Education Research: Quantitative And Qualitative Approaches*, Allyn And Bacon, London, h. 126.

Metode kepustakaan ialah satu laporan penilaian mengenai maklumat terpilih yang terdapat dalam kepustakaan berkenaan topik atau fokus persoalan kajian penyelidikan. Ulasan ini perlu menghuraikan, meringkaskan, menganalisis, mensintesis, menilai dan memperjelas kepustakaan yang dipilih.⁴⁹ Ulasan kepustakaan juga harus memberikan asas teori untuk penyelidikan yang bakal dilaksanakan di samping membantu penyelidik memahami persekitaran fokus penyelidikan.⁵⁰

1.7.1.1.1 Metode Pensejarahan

Louis Gottschalk dalam karyanya yang berjudul *Understanding History*, telah memberikan satu gambaran yang jelas mengenai metode pensejarahan (*Historis*). Beliau mengatakan bahawa metode sejarah ialah proses menguji dan menganalisis kritis rakaman sejarah dan peninggalan masa lampau secara kritis.⁵¹ Pengkaji menggunakan metode ini untuk mencari data yang ada kaitan dengan nilai sejarah. Nilai sejarah dalam disertasi ini hanya dalam bab yang menceritakan sejarah hidup Syeikh Mu'ammad Am'En al-Kurd'Ê. Bagi mendapatkan kenyataan yang konkrit, pengkaji akan menggunakan sumber yang berautoriti yang terdiri daripada kitab, buku, makalah dan akhbar.

1.7.2 Metode Temu Bual

Terdapat beberapa jenis kaedah untuk mengumpulkan maklumat dalam kajian ini. Salah satunya ialah menggunakan kaedah atau metode temu bual. Menurut Patton terdapat tiga bentuk

⁴⁹ Lim Chong Hin (2007), *Penyelidikan Pendidikan Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*, McGraw Hill Education Malaysia Sdn Bhd, Selangor, h. 128.

⁵⁰ *Ibid*, h. 128.

⁵¹ Louis Gottschalk, (1969), *Mengerti Sejarah*, Nugroho Notosusanto (terj). T.T.P, Yayasan Penerbitan Universitas Indonesia, h. 32.

temu bual iaitu temu bual formal, temu bual tidak formal dan temu bual terbuka.⁵² Chua Yan Piaw juga menyatakan bahawa terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi berstruktur dan temu bual tidak berstruktur.⁵³ Temu bual dilakukan bersama-sama individu yang dipilih yang dapat meluangkan masa untuk ditemu bual. Ia juga dikira sebagai temu bual separa berstruktur bagi memudahkan responden menghuraikan perkara yang difikirkan kepada penyelidik.

Di samping itu pengkaji akan menggunakan metode temu ramah atau wawancara untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada pemberi maklumat yang mempunyai maklumat tentang tokoh-tokoh akademik, tokoh pendiri Tarikat Naqshabandiyyah dan pengamal tasawuf dan tarikat. Sebagai contoh, tokoh akademik yang akan diwawancara ialah Dr. Jahid Sidek. Justifikasi pemilihan tokoh ini ialah pertamanya tokoh ini merupakan guru tarikat di Malaysia. Selain itu, tokoh ini mempunyai kredibiliti kerana tahap pengajian dan jawatan yang disandang oleh beliau. Seterusnya yang ketiga ialah tokoh ini datang daripada aliran tarikat yang sama dengan tokoh yang dikaji. Tujuan temu bual adalah untuk mendapatkan keterangan dan data daripada individu tertentu. Tujuan adalah untuk mendapatkan keterangan tentang peribadi, pendirian dan pandangan daripada individu yang diwawancara untuk keperluan komparatif. Tujuan wawancara ini adalah untuk membantu memperkuat data dalam kajian ini dan ia juga sebagai data sokongan dalam kajian ini. Pengkaji akan menggunakan hasil temu bual ini untuk membuat perbandingan dengan pemikiran Syeikh Mu'ammad Am'En al-Kurd'.

⁵² <http://eprints.utm.my/2212/1/91.DrMuhdSharif%26Roslee.pdf> (Laman ini diakses pada 25 November 2012).

⁵³ Chua Yan Piaw (2006), *op. cit.*, h. 114.

1.7.3 Metode Analisis Data

Dalam menganalisis data yang diperoleh, pengkaji menggunakan metode deduktif dan metode induktif.

1.7.3.1 Metode Deduktif

Pernyataan-pernyataan umum yang terdapat dalam maklumat-maklumat yang diperoleh akan dimanfaatkan semaksimum mungkin bagi merumuskan pernyataan-pernyataan khusus mengenainya. Sebagai contoh, karya beliau yang banyak menyentuh pemikiran tasawuf yang dipeloporinya jelas membuktikan bahawa beliau merupakan seorang tokoh tasawuf yang berwibawa dan tidak boleh dipandang ringan. Metode ini adalah penting bagi menguji kekuatan kajian yang dikemukakan oleh pengkaji sebelum ini. Justeru, ia banyak diaplikasikan dalam bab empat yang berkaitan analisis pemikiran beliau.

1.7.3.2 Metode Induktif

Bagi merumuskan satu daripada prinsip atau kaedah berdasarkan pengamatan beberapa contoh spesifik memerlukan pengkaji meneliti sebahagian besar bahan yang berhubung dengan Syeikh Muġammad AmĒn al-KurdĒ baik secara dekat mahupun secara jauh. Misalnya, melihat hasil dan usaha dan sumbangan beliau dalam tasawuf, yang merupakan satu cabang ilmu yang penting dalam tradisi Islam. Jelaslah bahawa beliau merupakan seorang yang mahir dan pakar

dalam ilmu tersebut. Metode ini akan diaplikasikan dalam bab tiga, yaitu berhubung sumbangan beliau dalam bidang tasawuf.

BAB DUA

PENGENALAN DISIPLIN ILMU TASAWUF

2.1 PENGENALAN

Kajian ini akan menyorot kembali sejarah perkembangan disiplin ilmu tasawuf bermula dari awal kurun yang pertama sehingga kini. Jika diteliti secara tidak langsung, tarikh sebenar kemunculan ilmu tasawuf tidak dapat dipastikan berbanding disiplin ilmu yang lain kerana ada sumber bertulis yang ditulis oleh pengasas disiplin ilmu tersebut. Menyorot kembali disiplin ilmu tasawuf, ia tidak pernah diperkatakan pada zaman Rasulullah S.A.W tetapi amalan tasawuf sudah sebatu dalam kehidupan Baginda Muhammad S.A.W walaupun pada ketika itu masih belum menampakkan nama tasawuf akan wujud. Kajian ini turut juga mengkaji sejarah atau asal usul wujudnya tasawuf bermula dari zaman Nabi Muhammad S.A.W sehinggalah kini. Sejarah perkembangan ilmu tasawuf harus diteliti dari pelbagai aspek yang terdapat dalam inti pati atau tema dalam ajaran ilmu tasawuf seperti aliran tarikat, aliran kezuhudan dan aliran falsafah tasawuf. Bab ini akan memperlihatkan kewujudan aliran dan konsep tersebut.

Sejarah perkembangan ilmu tasawuf seharusnya dilihat dengan cara terbuka dan dinilai secara akademik ertinya menggunakan akal pemikiran yang waras dan rasional supaya kebaikan ilmu yang sebenar dapat diangkat dan tidak mudah ditohmah oleh pendokong dan penentang tasawuf. Apabila sejarah perkembangan ilmu tasawuf ini kabur dan tidak dianalisis dengan sebaik mungkin, hasilnya wujud sekumpulan yang menolak secara total ilmu tasawuf kerana beranggapan bahawa ilmu tasawuf ini sebenarnya berkembang berdasarkan konsep agama lain. Justeru, perkembangan ilmu tasawuf perlu diangkat dan diberi nafas baru supaya sendi-sendi kebaikan yang terdapat kepada tasawuf dapat diperlihatkan kembali kepada generasi masa kini.

2.2 DEFINISI TASAWUF

Dalam memberikan pendefinisian terhadap asal usul kata tasawuf, ia boleh dibahagikan kepada dua definisi iaitu dari sudut bahasa dan istilah. Pendefinisian ini penting bagi memudahkan kefahaman terhadap tasawuf dan dapat mengelak daripada kekeliruan.

2.2.1 Pengertian Tasawuf Dari Sudut Bahasa

Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama dan intelektual Muslim tentang makna sebenar tasawuf dan konsepnya. Ada yang berpendapat bahawa tasawuf berasal daripada perkataan: *ايصفوا يصفوا* yang membawa makna “bersih”. Definisi ini boleh diterima sekiranya melihat tujuan utamanya iaitu untuk melahirkan ahli sufi yang membersihkan batin mereka untuk mengabdikan diri kepada Allah.¹ Berdasarkan pendapat ini dan kandungan tasawuf sendiri, perkataan *al-ØafÉ* merupakan satu daripada kandungan terpenting dalam tasawuf dan *ÎËfÊ*, yang diasaskan pada makna *al-ØafÉ*. Menurut Haidar Baqir, definisi suci lebih diterima umum jika hendak dibuat perbandingan dengan pengertian yang lain, ini dapat dijelaskan melalui tujuan tasawuf iaitu proses menyucikan hati.² Namun begitu, punca sufi daripada perkataan *al-ØafÉ* menyalahi kaedah pecahan kalimah ataupun menyalahi kaedah dan peraturan bahasa Arab.³

Pendapat kedua ialah perkataan tasawuf berasal daripada *صفوة* iaitu satu anjung sebahagian daripada Masjid Nabawi di Madinah yang disediakan untuk sahabat-sahabat Baginda yang miskin tetapi iman mereka adalah kuat dan hidup mereka sentiasa berkhidmat pada Islam.

Pada masa itu mereka digelar sebagai ahli *suffah* yang terkenal sebagai golongan yang kuat

¹ 'AbÈ Bakar MuÍammad al-KalÉbazi (1980), *al-Ta'aruf li Madzhab Ahl al-Tassawuf*, Maktabah al-Kuliyyat al-Uzhuriyyah, Cairo, h. 1. Lihat juga Dr. MuÍammad Mustafa ×ilmi (1970), *al-×ayÉh al-RuÍiyah fÊ al-IslÉm*, DÈr al-Ilýa' al-Kutub al-‘Arabiyah, h. 86-87.

² Haidar Baqir (2005), *Buku Saku Tasawuf*, Pustaka Mizan, Jakarta, h. VI.

³ Mir Valiudin (1987), *TaÁawwuf dalam al-Quran*, Terj, Pustaka Firdaus, Jakarta, h. 1.